

Buat untung besar!

Penyewa PPR, PA dikesan sewakan unit kepada warga asing

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Untung 'atas angin'. Begitu sikap segelintir penyewa projek perumahan rakyat (PPR) atau perumahan awam (PA), di sini, apabila dikesan menyewakan kembali unit kepada warga asing bagi mengaut keuntungan mudah.

Berdasarkan risikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), penyewa warga tempatan membayar sewa RM124 setiap bulan, tetapi menetapkan kadar sewa bulanan antara RM600 hingga RM1,200 kepada warga asing bergantung lokasi.

Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL Ismadi Sakirin berkata, kadar sewa itu tidak menjadi masalah kepada warga asing kerana mereka tinggal bera- mai-ramai di rumah berkenaan atau berkongsi dengan rakan.

"Ada yang sewa serendah RM600 sehinggalah RM1,200 berdasarkan kepada lokasi. Kalau di Pantai Dalam, (sewa) RM1,000 ke RM1,200 boleh pergi.

"Tetapi di Batu Muda, mungkin (sewa) RM600. Dia tengok kepada lokasi. Untung atas angin itu berlipat kali ganda," katanya ketika ditemui Harian Metro di pejabatnya, di sini.

Mengulas lanjut, Ismadi berkata, sejak 2022 sehinggalah Februari lalu, sebanyak 26 aduan dan tindakan penguatkuasaan diambil oleh DBKL dengan merampas



PENGERUSI Persatuan Penduduk PPR Kampung Muhibbah Fasa Satu, Atar Bacha Haja menunjukan rumah yang pernah didiami oleh pekerja keselamatan warganegara Nepal.

unit yang disewakan kepada warga asing.

Menurutnya, trend warga tempatan menyewakan rumah PPR atau PA meningkat sejak tiga tahun kebelakangan ini.

Katanya, keadaan itu berjaya dikesan menerusi rampasan empat unit kediaman pada 2022, 12 unit (2023) dan 10 unit setakat Februari tahun ini.

Adalah menjadi kesalah- an bagi penyewa dan pembeli rumah PPR atau PA milik DBKL menyewakannya kepada penghuni yang tidak sah termasuk warga asing.

"Ketua penyewa yang menyewakan unit milik DBKL (unit sewa) kepada

warga asing akan diambil tindakan penguatkuasaan serta-merta termasuk merampas unit tersebut dan membatalkan penyewaan kediaman.

"Bagi pemilik yang telah memiliki unit (unit beli),

DBKL akan mengeluarkan notis kepada pemilik untuk mem- baik kemung- kiran dilaku- kan dalam 14 hari untuk mengeluarkan warga asing dari- pada rumah pe- milik tersebut," ka- tanya.

Beliau berkata, DBKL juga mengalu-alukan aduan daripada penghuni mengenai kemungkiran yang dilakukan oleh ketua penyewa yang berlaku di ka- wasan PPR atau PA ma-

sing-masing.

"Ia bagi memastikan in- dividu yang mengaut ke- untungan dengan menyewakan kepada pihak ketiga lebih-lebih lagi warga asing ini diambil tindakan sewajarnya dan membo- lehkan pemohon yang le- bih memerlukan menda- patkan unit di PPR atau PA ini," katanya.

Untuk rekod, sebanyak 64 PPR dan PA dikenda- likan oleh DBKL dan se- banyak 23,828 unit mem- babitkan PA.

Berdasarkan 23,828 unit itu, 13,212 unit adalah se- waan manakala 10,616 lagi unit sudah terjual.

Bagi PPR yang dikenda- likan oleh DBKL, secara ke- seluruhan berjumlah 37,676 unit membabitkan pecahan 25,968 unit sewa- an dan baki selebihnya iai- tu 11,708 unit sudah dijual.

“
**Ada yang sewa
serendah RM600
sehinggalah
RM1,200
Ismadi**